


KHAZANAH ILMU:

NUBZATUL IKHTISAR
PADA MEMBICARAKAN NAS-NAS DAN DALIL-DALIL PUNGUTAN DAN
PEMBAHAGIAN ZAKAT DAN FITRAH

Oleh: Unit Pusat Sumber Jabatan Mufti Negeri Perak



Buku ini merupakan salah satu koleksi penulisan klasik dan tradisional di perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Perak. Dengan menggunakan tulisan Jawi klasik, ianya telah disusun oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Muhammad Ghazali Bin Haji Abdullah, mantan mufti Negeri Perak Darul Ridzuan tahun 1977-1981, dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Negeri Perak. Ia telah diterbitkan pada 21 Zulhijjah, 1398 hijrah bersamaan tahun 1979 masihi.

Sahibus Samahah juga merupakan mantan Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak tahun 1950, pernah berkhidmat sebagai Kadi di Pejabat Agama Islam Negeri Perak pada tahun 1953-1963, merupakan mantan Yang Dipertua Majlis Ulama Perak serta mantan Mufti Kerajaan Negeri Selangor yang ke-3 (1968M - 1973M).

Tujuan buku ini diterbitkan ialah untuk menghilangkan keraguan yang timbul di dalam usaha Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak menjalankan kutipan zakat dan fitrah yang telah bermula sejak seawal tahun 1952. Sebagai contoh pada fasal yang pertama dinyatakan pembayaran dan pungutan zakat tidak dilakukan dengan betul dan boleh membawa kepada tidak sah zakat dan fitrah, seperti membayar fitrah hanya kepada satu orang sedang fatwa yang muktamad di dalam mazhab Syafi'i hendaklah diserahkan kepada tidak kurang daripada tiga daripada 8 asnaf dan setiap asnaf itu tidak kurang dari 3 orang.

Buku ini juga ditulis sebagai menjawab anasir-anasir jahat yang cuba mengelirukan orang Islam di dalam melaksanakan usaha murni ini. Antaranya ialah pihak yang membolehkan zakat atau fitrah kepada guru, bapa angkat atau bidan di kampung tanpa mengira adakah mereka termasuk dari asnaf yang lapan itu atau tidak. Walau bagaimanapun apa yang dipaparkan di dalam buku ringkas ini bukanlah ciptaan penulis semata-mata tetapi ia divedok dan dikumpul daripada beberapa buah kitab yang masyhur dalam dunia Islam.

Terdapat 10 fasal yang dimuatkan dalam buku ini. Antara yang menarik ialah jenis zakat dan jenis-jenis harta yang dikenakan zakat, fitrah dan hukum-hukum yang berkaitan dengannya, serta fatwa-fatwa am berkenaan zakat dan fitrah. Turut dijelaskan dalam buku ini perincian mengenai setiap jenis zakat yang diwajibkan. Pada halaman belakang buku ini dimuatkan juga senarai pembetulan dan pindaan setelah dibuat semakan oleh Ahli Jawatankuasa Syariah dan Ahli Majlis Agama Islam. Mudah-mudahan buku ini dapat menetapkan hati pembaca agar terus yakin dan istiqamah menjalankan tanggungjawab dan tuntutan zakat dan fitrah.